

Soalan No: 18

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 14.11.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kesudian Kerajaan untuk meluluskan permohonan Dong Zong untuk membina satu sekolah menengah bebas (independent) dengan bahasa pengantar Cina di Kajang, Selangor.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] tidak memperuntukkan sebarang peruntukan yang membolehkan penubuhan baharu sekolah menengah persendirian Cina (SMPC). Kedudukan SMPC adalah berstatus quo seperti yang telah dinyatakan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Pendidikan 1995 di Dewan Rakyat pada 18 Disember 1995 oleh YB Menteri Pendidikan ketika itu. Sehubungan dengan itu, bilangan SMPC adalah kekal 60 buah dan sebarang penambahan baharu adalah jelas bertentangan dengan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.